

Metro Ahad | 21.03.2021

17

lokal

Oleh Hafidzul Hilmi
Mohd Noor
hafidzul@hmetro.com.my

Kuala Lumpur.

Isu kesesakan di Suruhanjaya Tinggi Malaysia (STM) di Singapura akibat kesukaran memperbaharui Pasport Malaysia Antarabangsa (PMA) di negara itu diselesaikan segera.

Ketua Penggarah Imigresen, Datuk Khairul Dzaimee Daud berkata, pihaknya dengan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) menempatkan lapan pegawai di STM mulai bulan hadapan bagi membantu melancarkan proses dokumentasi pasport di republik itu.

"Ketika ini, ada lima petugas di sana dan lapan pegawai kastam dihantar un-

DITANGANI SEGERA



Kita beri keutamaan kepada yang perlu perbaharui pasport untuk permit kerja kerana mereka tidak boleh keluar (rentas negara).

Khairul Dzaimee



Lapan pegawai dihantar ke STM di Singapura untuk atasi isu kesesakan perbaharui pasport

tuk membantu, tindakan sedang diambil," katanya ringkas selepas menyertai Op Penguatkuasaan Imigresen di Jalan Imbi, awal pagi, semalam.

Hadir sama dalam operasi itu Timbalan Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Dr Ismail Mohamed Said.

Beliau turut mengakui isu berkenaan berlarutan sejak Oktober tahun lalu dan tindakan dilaksanakan bagi

mengatasi masalah itu.

Khairul Dzaimee berkata, kesesakan di STM sejak dua hari lalu berpunca daripada gangguan sistem serta kerosakan pada satu daripada dua mesin pencetak pasport selain pemohon yang datang secara terus (*walk-in*) tanpa membuat janji temu.

"Kami nasihatkan mereka (rakyat Malaysia di Singapura) buat permohonan secara dalam talian, tetapi me-

reka tetap datang (*walk-in*). "Kita beri keutamaan kepada yang perlu perbaharui pasport untuk permit kerja kerana mereka tidak boleh keluar (rentas negara).

"Bagi mereka yang ada masa itu, kita minta mereka mohon secara dalam talian dan permohonan diproses di pejabat Imigresen di Johor dalam masa empat atau lima minggu pasport dikeluar-kan," katanya.

Kelmanin, Khairul Dzaimee dilaporkan berkata, pihaknya menunggu kelulusan daripada Kementerian Luar Singapura bagi membenarkan kakitangan syarikat Datasonic Berhad memasuki negara itu untuk melakukan kerja pembaikan bagi melancarkan proses memperbaharui pasport rakyat Malaysia di Singapura.